

# NOTIS PRIVASI PULSE

Tarikh Berkuat Kuasa: 3 September 2020 (OPv2.0)

## Mengenai Notis Ini

Terima kasih kerana memuat turun Pulse.

Privasi dan keselamatan data peribadi anda adalah, dan akan sentiasa menjadi, kepentingan kami. Jadi, kami ingin menjelaskan dengan telus mengenai cara dan sebab kami mengumpul, menyimpan, berkongsi dan menggunakan data peribadi anda.

Notis ini menerangkan perincian hubungan data peribadi anda dengan Pulse Ecosystems Pte Ltd, sebuah syarikat di Singapura ("**PulseCo**") dan syarikat-syarikat gabungannya. Notis ini diguna pakai bagi semua perkhidmatan yang disediakan untuk anda melalui Aplikasi Pulse ("**Perkhidmatan Pulse**").

Notis ini memaklumkan anda mengenai:

- Identiti kami;
- Jenis maklumat yang kami kumpul dan sebab-sebabnya;
- Dari mana kami mendapat maklumat anda dan dengan siapa pihak-pihak maklumat ini dikongsi bersama;
- Perkara-perkara anda boleh minta kami lakukan; dan
- Cara anda untuk hubungi kami jika perlu.

Dari semasa ke semasa, kami boleh mewujudkan perkhidmatan baharu atau menawarkan perkhidmatan tambahan. Jika pengenalan perkhidmatan-perkhidmatan baharu atau tambahan ini menyebabkan berlaku sebarang perubahan material berkaitan dengan cara kami mengumpul atau memproses data peribadi anda, kami akan menyediakan lebih banyak maklumat atau terma tambahan atau polisi kepada anda. Kecuali dinyatakan sebaliknya, apabila kami memperkenalkan perkhidmatan-perkhidmatan tambahan atau baharu, perkhidmatan-perkhidmatan tersebut akan tertakluk di bawah Notis ini.

Terma-terma yang mentadbir urus penggunaan anda di Aplikasi Pulse dinyatakan dalam Terma dan Syarat Aplikasi Pulse kami.

## Identiti kami

### Pengawal Data Anda

PulseCo dan entiti insurans Prudential ("**Entiti Setempat Pru**") yang beroperasi di negara anda (rujuk Lampiran 2) ialah pengawal data berasingan (di beberapa negara, peranan-peranan ini dikenali sebagai pengguna data atau operator data) bagi data peribadi yang dikumpul atau diperoleh melalui penggunaan Perkhidmatan-Perkhidmatan Pulse oleh anda, walaupun Entiti Setempat Pru hanya memproses data tersebut sebagaimana yang diperlukan untuk melaksanakan tujuan-tujuan yang

diterangkan di bahagian **“Sebab-sebab kami memerlukan data peribadi anda”** di bawah.

Jika anda membeli sebarang produk insurans atau mendaftar untuk menggunakan sebarang perkhidmatan insurans yang disediakan oleh Entiti Setempat Pru di Pulse, Entiti Setempat Pru tersebut akan mengumpul dan memproses data anda untuk pelbagai tujuan berkenaan menurut terma dan syarat serta notis privasi masing-masing.

Entiti Setempat Pru tidak mengumpul, memperoleh atau memproses sebarang Data Kesihatan (seperti yang dijelaskan di bawah) daripada penggunaan Pulse oleh anda. Jika anda adalah pelanggan Entiti Setempat Pru, Entiti Setempat Pru mungkin mengumpul data kesihatan sebagai sebahagian daripada proses pengunderaitan untuk menyediakan produk atau insurans kepada anda menurut notis privasi masing-masing.

Untuk maklumat menghubungi pengawal-pengawal data, sila rujuk bahagian **“Mengemas kini butiran diri anda dan hubungi kami”** di bawah.

### Rakan-Rakan Pulse

Rakan-Rakan Pulse ialah rakan kongsi pihak ketiga yang berkontrak dengan anda secara langsung di bawah terma dan syarat masing-masing untuk menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan menggunakan nama mereka sendiri – pihak ini boleh merangkumi penjual yang menjual perkhidmatan dan produk di Pusat Pasaran Sehati Pulse, perkhidmatan Pemeriksaan Simptom dan Penilaian Kesihatan, Perkhidmatan tele-perubatan, dompet pulse di negara-negara tertentu dan perkhidmatan-perkhidmatan lain yang kami mungkin tambah di Aplikasi Pulse dari masa ke masa.

Rakan-Rakan Pulse mengumpul, memperoleh dan memproses maklumat yang diterima daripada penggunaan perkhidmatan-perkhidmatan tersebut oleh anda sebagai pengawal data bebas. Rakan-Rakan Pulse akan memproses maklumat peribadi anda menurut notis privasi masing-masing yang disediakan kepada anda sebelum anda menggunakan perkhidmatan yang berkaitan.

PulseCo juga adalah satu pengawal data bebas yang terlibat dalam pemrosesan data yang dikumpul dan diperoleh menerusi penggunaan perkhidmatan-perkhidmatan Rakan Pulse dan PulseCo akan memproses data tersebut menurut Notis Privasi ini.

### Jenis data yang kami kumpul dan tempat kami memperoleh maklumat

Data peribadi anda disediakan secara sukarela. Tetapi, jika anda tidak menyediakan data peribadi anda, kami mungkin tidak dapat mendaftar anda untuk Aplikasi Pulse atau menyediakan Perkhidmatan-Perkhidmatan Pulse atau penggunaan atau akses anda ke Aplikasi Pulse boleh menjadi terhad.

Berikut merupakan data dan maklumat yang kami kumpul atau peroleh mengenai anda:

(a) Data peribadi yang anda sediakan:

- Butiran peribadi dan maklumat untuk menghubungi anda seperti, nama, alamat, nombor telefon, alamat e-mel anda, maklumat lain log masuk pihak ketiga (cth. log masuk media sosial) apabila anda memilih untuk menggunakannya;
- Maklumat biometrik (termasuklah imej wajah) apabila anda memilih untuk menggunakan mana-mana aspek Perkhidmatan-Perkhidmatan Pulse yang mungkin memerlukan maklumat tersebut;
- Jantina, tarikh lahir dan/atau usia anda (jika diperlukan untuk menggunakan suatu perkhidmatan, atau dengan kebenaran anda);
- Nombor kad pengenalan, nombor pasport, butiran dokumen pengenalan dikeluarkan oleh Kerajaan lain, bukti alamat surat-menyurat, dan/atau maklumat lain yang boleh digunakan untuk mengenal pasti anda (jika diperlukan untuk menggunakan suatu perkhidmatan atau membolehkan kami untuk memenuhi obligasi perundangan kami);
- Merekod apa-apa komunikasi anda bersama kami termasuklah apa-apa pembantu peribadi AI atau botbual;
- Butiran anda sediakan apabila anda memilih untuk menyertai mana-mana aktiviti berkaitan dengan Perkhidmatan-Perkhidmatan Pulse;
- Butiran yang diminta oleh satu Rakan Pulse sebagai sebahagian daripada perkhidmatan-perkhidmatan yang mereka sediakan;
- Butiran berkaitan atau mendedahkan kesihatan, kesejahteraan atau kondisi perubatan anda (dirujuk secara kolektif sebagai “**Data Kesihatan**”) yang anda sediakan atau diperolehi daripada penggunaan suatu perkhidmatan Pulse (termasuklah apabila anda menyegerakkan atau muat naik maklumat daripada suatu peranti, aplikasi atau sistem bersama Perkhidmatan-Perkhidmatan Pulse). Jika diperlukan oleh undang-undang dan peraturan berkaitan, sebarang pemprosesan Data Kesihatan adalah berdasarkan kebenaran eksplisit anda;
- Butiran berkaitan keahlian, langganan, pelan, dan apa-apa pembelian atau transaksi anda di Aplikasi Pulse atau sebahagian daripada Perkhidmatan-Perkhidmatan Pulse;
- Butiran mengenai mesej-mesej anda (termasuklah apa-apa kandungan atau bahan yang anda kongsi) melalui sebarang fungsi bualan, panggilan suara atau video Pulse;

- Butiran mengenai rangkaian anda termasuklah senarai kenalan dan kumpulan anda sertai;
- Kandungan yang anda cipta, terbit, muat naik, kongsi, atau sampaikan apabila menggunakan apa-apa Perkhidmatan Pulse termasuklah sebarang bualan, media, gambar, komen dan apa-apa bahan lain yang anda pilih untuk sediakan;
- Butiran berkaitan kesukaan, minat dan aktiviti kegemaran anda;
- Butiran berkaitan perkhidmatan e-dompet, termasuklah akaun bank, butiran kad kredit dan debit dan maklumat pembilan dan penghantaran;
- Butiran berkaitan program-program ganjaran, loyalti, atau keistimewaan;
- Data daripada sebarang respons yang anda sediakan dengan menjawab soalan kaji selidik.

(b) Data peribadi yang kami kumpul daripada sumber lain:

- Maklumat log masuk pihak ketiga (cth. log masuk media sosial) daripada penyedia log masuk tersebut, apabila anda memilih untuk menggunakannya;
- Data (termasuklah Data Kesihatan) daripada Rakan-Rakan Pulse;
- Data daripada rakan-rakan komersial pihak ketiga lain PulseCo atau Entiti Setempat Pru atau organisasi-organisasi lain yang mempunyai kebenaran sah yang berkaitan untuk berkongsi data tersebut bersama PulseCo;
- Data daripada penyedia perkhidmatan yang berkongsi data peribadi untuk membenarkan kami memenuhi obligasi perundangan kami.

(c) Data peribadi yang kami kumpul secara automatik apabila anda menggunakan Perkhidmatan-Perkhidmatan Pulse:

- Butiran berkaitan peranti dan penggunaan Perkhidmatan-Perkhidmatan Pulse oleh anda;
- Data daripada cabaran atau aktiviti dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Pulse yang anda telah berikan kebenaran;
- Data yang diperolehi melalui tindakan anda semasa menggunakan Perkhidmatan-Perkhidmatan Pulse, termasuklah data transaksi berkaitan pembelian dan transaksi;
- Data berkaitan semua penggunaan lain dan interaksi anda dengan Perkhidmatan-Perkhidmatan Pulse, maklumat tingkah laku, keutamaan pengiklanan anda, keutamaan pembelian anda, dan komunikasi anda bersama kami, suatu Entiti Setempat Pru atau ahli-ahli lain dalam Kumpulan

Prudential, atau Rakan Pulse;

- Sebarang sejarah bualan, panggilan suara atau video;
- Data berkaitan lokasi;
- Maklumat Peranti mudah alih dan sambungan, maklumat data trafik, alamat IP anda, masa akses, data sejarah semak imbas, tetapan bahasa, maklumat berkaitan dengan log masuk pihak ketiga anda dan/atau maklumat weblog dsb.

(d) Data peribadi yang kami kumpul melalui kuki atau teknologi lain yang sama.

Item-item ini boleh termasuk yang berikut, contohnya (yang mana berkaitan):

- Akses masa, kekerapan dan tempoh lawatan / penggunaan Aplikasi Pulse dan Perkhidmatan-perkhidmatan Pulse;
- Data tentang aktiviti dan interaksi anda dengan rakan-rakan pengiklanan kami (jika ada);
- Model atau jenis peranti yang digunakan oleh anda, sistem / versi pengoperasi, jenis dan tetapan pelayar, ID peranti, ID iklan (jika ada), dan data berkaitan kuki lain;
- Data berkaitan lokasi.

(e) Data Kesihatan

Entiti Setempat Pru bukanlah pengawal data untuk Data Kesihatan anda. PulseCo dan apabila diperlukan, Rakan Pulse yang berkaitan, adalah pengawal data berasingan untuk Data Kesihatan anda.

Seperti yang dibenarkan oleh undang-undang yang berkaitan, PulseCo akan meminta kebenaran khusus anda untuk memproses Data Kesihatan. PulseCo mendapatkan kebenaran ini secara berasingan apabila anda membuat tindakan yang menyebabkan pengumpulan, pemerolehan, penggunaan dan pendedahan Data Kesihatan. Anda boleh menarik balik kebenaran anda pada bila-bila masa dengan menghubungi Pegawai Privasi PulseCo – rujuk bahagian **“Mengemas kini butiran anda dan menghubungi kami”** di bawah.

Di samping itu, anda sentiasa berhak untuk meminta kami memadamkan Data Kesihatan anda tanpa mengira sama ada undang-undang setempat memberi hak ini kepada anda atau tidak, melainkan kami mempunyai obligasi undang-undang atau keperluan untuk menyimpan data tersebut.

(f) Kuki, Peringatan

Semasa anda menggunakan Perkhidmatan-perkhidmatan Pulse, kami boleh menggunakan kuki dan teknologi yang sama untuk menyediakan pengalaman pengguna yang lebih selamat, cepat dan lebih baik untuk anda atau menunjukkan pengiklanan peribadi kepada anda. Kuki ialah fail teks kecil yang dicipta secara automatik oleh pelayar anda dan disimpan di peranti anda apabila anda menggunakan Perkhidmatan-perkhidmatan Pulse.

Anda bebas untuk menyahdayakan penggunaan kuki dan teknologi sama jika disokong oleh peranti anda. Anda boleh menguruskan tetapan kuki di tetapan peranti anda.

Jika anda memilih untuk tidak membenarkan data peribadi anda diproses oleh kami untuk tujuan pengiklanan melalui kuki (dan teknologi yang sama), hal ini tidak bermaksud bahawa kami tidak akan menunjukkan iklan kepada anda. Maksudnya, iklan-iklan yang ditunjukkan tidak akan diperibadikan untuk anda menggunakan kuki pihak pertama atau pihak ketiga, suar web, atau teknologi yang sama.

## Sebab kami memerlukan data peribadi anda

PulseCo:

- Untuk memproses pendaftaran anda dan menyediakan ciri-ciri, kefungsiian dan perkhidmatan dalam lingkungan Perkhidmatan-perkhidmatan Pulse kepada anda.
- Untuk melancarkan proses pembelian atau transaksi;
- Untuk memproses permintaan yang dibuat oleh anda melalui Perkhidmatan-perkhidmatan Pulse;
- Untuk melaksanakan program-program keistimewaan, loyalti dan ganjaran;
- Untuk pemprosesan kami yang berkaitan dengan tujuan-tujuan perniagaan dalaman kami, penambahbaikan dan pembangunan Perkhidmatan-perkhidmatan Pulse, dan penyelidikan serta pembangunan data analitik, teknologi, produk, perkhidmatan, kefungsiian dan ciri pada masa hadapan (termasuklah produk, ciri-ciri dan perkhidmatan yang dikuasakan oleh AI);
- Untuk memperibadikan, menyesuaikan dan mengubah suai penggunaan dan pengalaman anda dengan Perkhidmatan-perkhidmatan Pulse termasuklah menyediakan cadangan promosi, produk dan perkhidmatan tersuai dan diperibadikan, serta tip-tip;
- Kami juga boleh menggunakan nama dan butiran untuk menghubungi anda agar kami dapat menghantar mesej, bahan promosi dan kandungan tersuai kepada anda tentang Perkhidmatan-perkhidmatan Pulse, produk-produk dan

perkhidmatan suatu Entiti Setempat Pru dan / atau apa-apa produk dan perkhidmatan pihak ketiga Rakan Pulse (berkaitan dengan kesihatan, kesejahteraan, pemakanan, gaya hidup, kewangan dan / atau insurans). Kami juga mungkin berkongsi nama dan butiran untuk menghubungi anda dengan syarikat gabungan lain PulseCo agar mereka boleh memasarkan jenis-jenis produk dan perkhidmatan yang sama kepada anda. Kami menggunakan dan berkongsi nama dan butiran untuk menghubungi anda bagi tujuan pemasaran sahaja dengan kebenaran anda (kami tidak boleh menggunakan atau berkongsi data jika tidak dibenarkan);

- Apabila dibenarkan, dan dengan kebenaran khusus anda yang diberi seperti yang diwajibkan oleh undang-undang berkaitan, kami boleh menggunakan Data Kesihatan anda untuk memperibadikan atau mengubah suai promosi kami, menghantar mesej dan cadangan diperibadikan serta disesuaikan kepada anda;
- Untuk membantu anda memantau dan menambah baik pengurusan kesihatan dan kesejahteraan diri anda, yang boleh termasuk penyediaan cadangan dan petunjuk tersuai kepada anda;
- Untuk membolehkan anda mendaftar dengan Rakan Pulse, jika anda memilih untuk buat sedemikian;
- Untuk membantu anda menguruskan dan menyertakan anda dalam senarai komuniti dan penyiaran yang relevan;
- Untuk memproses dan berkomunikasi dengan anda tentang penyertaan anda dalam apa-apa acara, promosi, kumpulan fokus, penyelidikan, peraduan, penebusan ganjaran, undian, kaji selidik, produksi atau aktiviti-aktiviti sama yang berkaitan dengan Perkhidmatan-perkhidmatan Pulse;
- Untuk membolehkan anda berkongsi kandungan dan membuat komen, serta berinteraksi dengan pengguna-pengguna lain dalam Perkhidmatan-perkhidmatan Pulse lain;
- Sepertimana yang kami percaya sebagai wajar atau sesuai untuk memantau, menguatkuasa atau mengesahkan kepatuhan anda pada Terma dan Syarat Aplikasi Pulse dan melindungi kepentingan reputasi dan perundangan PulseCo;
- Untuk berkomunikasi dengan anda dan menyediakan bantuan dan perkhidmatan pelanggan yang relevan;
- Untuk melancarkan peruntukan kemas kini, sokongan produk, dan perkhidmatan-perkhidmatan lain berkaitan Aplikasi Pulse dengan anda;
- Untuk memaklumkan anda mengenai perubahan dibuat pada Perkhidmatan-perkhidmatan Pulse;

- Untuk sebarang tujuan penyimpanan dan pentadbiran rekod dalaman;
- Untuk tujuan pengesanan, penyiasatan, pencegahan dan menangani penyelewengan, jenayah dan aktiviti haram yang lain, atau isu-isu teknikal atau keselamatan;
- Untuk melindungi hak, hak milik, dan keselamatan pengguna-pengguna Aplikasi Pulse;
- Untuk mematuhi sebarang obligasi di bawah undang-undang berkaitan, termasuk tetapi tidak terhad pada obligasi anti-penyelewengan wang dan Kenali-Pelanggan-Anda; dan
- Untuk menghubungkan identiti Pulse anda dengan mana-mana akaun pelanggan sedia ada di suatu Entiti Setempat Pru dan ejen-ejen yang melayan anda.

#### Entiti Setempat Pru:

- Apabila anda memberikan kebenaran anda, kami akan menggunakan nama dan butiran untuk menghubungi anda agar dapat menghantar promosi istimewa dan / atau bahan produk serta perkhidmatan daripada rakan-rakan Entiti Setempat Pru (berkaitan dengan kesihatan, kesejahteraan, pemakanan, gaya hidup, kewangan dan / atau insurans), dan kami menggunakan nama dan butiran untuk menghubungi anda bagi tujuan pemasaran sahaja dengan kebenaran anda (kami tidak boleh menggunakan data jika anda tidak benarkan);
- Untuk memperibadikan, menyesuaikan dan mengubah suai penggunaan dan pengalaman produk-produk serta tawaran Entiti Setempat Pru, termasuklah untuk menyediakan promosi-promosi tersuai dan diperibadikan, cadangan produk dan perkhidmatan seperti tawaran menggabungkan produk insurans dan Perkhidmatan-perkhidmatan Pulse lain, dan tip-tip;
- Untuk menambah baik dan pembangunan perkhidmatan-perkhidmatan kewangan baharu atau produk dan perkhidmatan insurans; dan
- Untuk melaksanakan analisis data dan untuk melakukan pemprofilan seperti pemprofilan pemasaran.

## Justifikasi kami menggunakan data anda

PulseCo dan Entiti Setempat Pru bergantung pada satu atau lebih dasar perundangan untuk memproses data peribadi anda, termasuklah:

- Apabila pemprosesan diperlukan untuk memasuki kontrak dengan anda dan untuk menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan yang anda perlukan sejajar

dengan Terma dan Syarat Aplikasi Pulse;

- Kepentingan-kepentingan sah yang dipertahankan oleh kami atau pihak ketiga yang didedahkan dengan data peribadi tersebut (kecuali apabila kepentingan-kepentingan tersebut tidak disokong oleh hak asasi dan kebebasan anda);
- Apabila anda memberikan kebenaran anda, selagi yang dibenarkan oleh undang-undang dan peraturan berkaitan. Sebagai contoh, undang-undang dan peraturan berkaitan mungkin memerlukan kebenaran anda untuk memproses Data Kesihatan, iaitu pemprosesan yang melibatkan pembuatan keputusan atau pemprofilan secara automatik, dan/atau memproses data peribadi untuk tujuan promosi dan pemasaran;
- Pemprosesan diperlukan untuk pematuhan obligasi perundangan yang perlu dipenuhi oleh PulseCo;
- Kriteria-kriteria perundangan lain yang diperakui di bawah undang-undang berkaitan.

## Pihak-pihak yang kami kongsi maklumat anda bersama

### Maklumat profil Aplikasi Pulse

Data peribadi berikut boleh didapati secara umum di Aplikasi Pulse: nama dan / atau nama pengguna anda, gambar profil, dan sebarang maklumat lain di laman profil anda.

### *Data peribadi anda pilih untuk berkongsi*

Data peribadi berikut hanya akan dikongsi bersama pengguna Aplikasi Pulse lain seperti di bawah:

- Anda berkongsi mesej dan kandungan lain bersama pengguna Aplikasi Pulse sebagai sebahagian daripada menggunakan Perkhidmatan-perkhidmatan Pulse;
- Anda membenarkan Perkhidmatan-perkhidmatan Pulse untuk berkongsi butiran khusus tertentu atau data dengan mana-mana Rakan Pulse agar Rakan Pulse tersebut dapat menyediakan perkhidmatan kepada anda atau menambah baik keupayaan mereka untuk menyediakan perkhidmatan kepada anda. Hal ini mungkin termasuk Data Kesihatan yang anda sediakan kepada Rakan-rakan Pulse lain yang menyediakan perkhidmatan kesihatan kepada anda;
- Apabila anda menyertai suatu cabaran, data peribadi anda yang berkaitan dengan cabaran itu boleh dilihat oleh semua peserta yang menyertai cabaran yang sama.



### Pihak-pihak kami kongsi data peribadi anda bersama

Kami mungkin berkongsi data peribadi anda dengan penerima pindahan berikut sepertimana yang diperlukan untuk mereka membantu kami dalam memenuhi tujuan-tujuan di atas atau menurut apa-apa kebenaran yang diberi oleh anda: penyedia perkhidmatan, akauntan, juruaudit, penyedia platform dan perkhidmatan IT, pengantara, operator takaful / penanggung insurans semula, pengurus, ejen, pemegang amanah persaraan (dan pemegang saham lain), penasihat skim, pengenal, penyedia kewangan pihak ketiga terpilih dan penyedia produk takaful / insurans, penyedia pengiklanan dan penasihat undang-undang.

Kami berkongsi data peribadi apabila kami, dengan penuh budi bicara, percaya bahawa terdapat kepentingan untuk kami berbuat begitu untuk mematuhi obligasi perundangan di bawah undang-undang berkaitan, atau memberi tindak balas untuk proses perundangan sah, seperti waran geledah, perintah mahkamah, atau sepina. Kami juga akan berkongsi data peribadi anda, dengan penuh budi bicara, percaya bahawa perkongsian tersebut penting untuk mencapai tujuan kami, atau kepentingan pihak ketiga yang wajar berkaitan dengan keselamatan negara, penguatkuasaan undang-undang, litigasi, penyiasatan jenayah, melindungi keselamatan mana-mana individu, atau menghalang kematian atau sebarang kecederaan fizikal daripada berlaku.

Kami mungkin berkongsi data peribadi anda dengan syarikat-syarikat gabungan PulseCo lain apabila diperlukan untuk melaksanakan operasi perniagaan harian kami dan untuk membolehkan kami mengekalkan serta menyediakan Perkhidmatan-perkhidmatan Pulse kepada anda, dan juga untuk tujuan pemasaran seperti yang dinyatakan dalam bahagian **“Sebab-sebab kami memerlukan data peribadi anda”** di atas.

Kami boleh berkongsi data peribadi anda dengan pembeli atau penerima pindahan sebenar atau dicadangkan jika kami terlibat dalam suatu penggabungan, pemerolehan, penstrukturan semula, penjualan aset, atau transaksi korporat sama yang lain, termasuklah untuk tujuan apa-apa pelaksanaan usaha yang wajar.

## Lokasi kami memproses data peribadi anda

Kami boleh memproses data peribadi anda di negara selain daripada negara pemastautin anda. Apabila kami memindahkan data peribadi anda, kami akan menggunakan langkah-langkah perlindungan yang bersesuaian dan mematuhi perundangan negara data peribadi anda dipindahkan.

## Cara kami memastikan data anda selamat

- Kami mempunyai piawaian dan polisi sekuriti terperinci yang membenarkan kami untuk memastikan data anda selamat secara berkesan;
- Kami menggunakan enkripsi semasa data anda disimpan dan dihantar merentasi rangkaian;

- Kami bekerjasama dengan rakan-rakan kami untuk memastikan bahawa mereka menyediakan tahap perlindungan yang sama pada data yang dipegang oleh mereka sendiri atau diproses bagi pihak kami, termasuklah melalui usaha wajar yang terperinci dan Penilaian Impak Privasi;
- Kami menguruskan dan memantau pihak yang mempunyai akses pada maklumat anda di dalam dan di luar Aplikasi Pulse melalui kawalan akses dan teknik pengenalan; dan
- Kami mempunyai pelan terperinci untuk sebarang peristiwa yang tidak diduga termasuklah pelaporan (yang diwajibkan oleh undang-undang dan peraturan tertentu) mengenai sebarang pelanggaran yang mungkin melibatkan data anda.

## Tempoh kami menyimpan data anda

Kami menyimpan data peribadi anda selama mana yang diperlukan untuk menyediakan Perkhidmatan-perkhidmatan Pulse dan untuk tujuan-tujuan perniagaan penting dan sah, seperti mengekalkan prestasi Perkhidmatan-Perkhidmatan Pulse, membuat keputusan perniagaan berpandukan data untuk perkhidmatan dan produk baharu, mematuhi obligasi perundangan kami, dan menyelesaikan pertelingkahan.

Kami menyimpan data peribadi anda bagi tempoh-tempoh berikut:

- Selama mana data peribadi diperlukan untuk memenuhi tujuan-tujuan tersebut;
- Selama mana data peribadi diperlukan oleh undang-undang dan peraturan yang berkaitan; atau
- Untuk tujuan perniagaan PulseCo yang sah dan apabila relevan, untuk tujuan perniagaan Entiti Setempat Pru.

Data peribadi anda akan dipadam atau tidak diberi nama selepas tempoh penyimpanan yang relevan berakhir.

## Apa yang anda boleh lakukan?

- Apabila pemprosesan dilakukan berdasarkan kebenaran, anda boleh menarik balik kebenaran untuk kami mengumpul, menggunakan atau mendedahkan data peribadi anda dengan menghubungi kami seperti yang dinyatakan dalam Notis Privasi ini. Walaupun anda menarik balik kebenaran anda, kami masih boleh mengumpul, menyimpan, menggunakan atau mendedahkan data peribadi anda jika undang-undang dan peraturan berkaitan mewajibkan atau memberi kuasa kepada kami untuk berbuat begitu;
- Anda boleh mengubah keutamaan anda, yang anda telah beri kebenaran khusus terlebih dahulu. Hal ini mungkin berbeza bergantung pada negara

pemastautin anda dan boleh meliputi, tetapi tidak terhad pada, membantah untuk menerima bahan pemasaran dan bahan promosi lain, pembuatan keputusan secara automatik, menggunakan maklumat sensitif, dan pemindahan luar negara. Untuk membuat perubahan, anda boleh menggunakan ciri privasi dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Pulse atau seperti yang diterangkan di bahagian **“Mengemas kini butiran anda dan menghubungi kami”**;

- Anda boleh juga (jika undang-undang setempat menyediakan hak-hak ini kepada anda):
  - meminta kami untuk memberi salinan dan / atau akses pada maklumat yang kami simpan mengenai anda berkaitan dengan Perkhidmatan-Perkhidmatan Pulse (anda perlu memohon sebarang maklumat yang dipegang oleh Rakan-Rakan Pulse yang berperanan sebagai pengawal data secara langsung);
  - meminta kami untuk meminda apa-apa data yang tidak benar, tidak lengkap, lapuk dan / atau mengelirukan kecuali dalam kes-kes apabila permintaan dibuat adalah tidak wajar;
  - meminta kami untuk memadam data anda (kecuali apabila kami dibenarkan atau diwajibkan dari sisi undang-undang untuk menyimpan data peribadi tertentu);
  - meminta kami untuk mengehadkan penggunaan kami ke atas data anda.
  - minta kami untuk menyediakan salinan data peribadi tertentu dalam bentuk yang boleh dikongsi bersama orang lain, dan jika boleh dilakukan secara teknikalnya, untuk menghantar data peribadi tersebut kepada pengawal data lain.
- Anda juga boleh (jika undang-undang setempat menyediakan hak-hak ini kepada anda) membuat aduan kepada pengawal selia privasi data tersebut.

## Maklumat kanak-kanak

Aplikasi Pulse tidak disediakan untuk individu-individu di bawah usia 18 tahun. Kami tidak mengumpul data peribadi individu-individu di bawah usia 18 tahun dengan sengaja. Walaupun terdapat Perkhidmatan-perkhidmatan Pulse tertentu yang mungkin meminta ibu bapa menyediakan data anak-anak mereka seperti yang diperlukan untuk perkhidmatan tersebut, kami tidak mengumpul data peribadi individu-individu di bawah usia 18 tahun dengan sengaja tanpa kebenaran ibu bapa/waris yang sah (sila rujuk bahagian **“Bertindak bagi pihak individu lain”** di bawah.) Jika anda yakin bahawa kami telah mengumpul data peribadi individu di bawah usia 18 tahun, atau kami telah mengumpul data peribadi individu di bawah usia 18 tahun tanpa kebenaran ibu bapa / waris yang

sah, sila maklumkan kepada kami menggunakan butiran di bahagian **“Mengemas kini butiran anda dan menghubungi kami”** di bawah.

## Bertindak bagi pihak individu lain

Aplikasi Pulse dibangunkan khusus untuk digunakan oleh diri anda sahaja; tetapi kemungkinan terdapat keadaan-keadaan yang terbatas berlaku apabila anda menyediakan data peribadi individu lain kepada kami. Jika anda memberi data peribadi individu (atau individu-individu) lain, kami akan menganggap perbuatan anda itu sebagai pelantikan oleh mereka yang membenarkan anda untuk bertindak bagi pihak mereka. Hal ini termasuklah memberi kebenaran untuk:

- kami memproses data peribadi mereka (termasuklah apa-apa Data Kesihatan) seperti dinyatakan di atas; dan
- anda menerima Notis Privasi ini bagi pihak mereka.

Jika anda memberi data peribadi individu di bawah usia 18 tahun kepada kami, anda mestilah sama ada ibu bapa/waris yang sah individu tersebut atau diberi kebenaran oleh ibu bapa/waris yang sah individu tersebut sebelum berbuat begitu.

## Mengemas kini butiran anda dan menghubungi kami

Sila kemas kini butiran anda seperti yang diterangkan di Aplikasi Pulse jika sebarang butiran yang anda beri kepada kami semasa pendaftaran berubah (cth., jika anda mengubah alamat e-mel, nombor telefon anda). Sila gunakan butiran di bawah untuk menghubungi PulseCo dengan sebarang permintaan berkaitan data anda.

<b>Gelaran / Jawatan:</b>	<b>Meja Bantuan Pulse</b>
Alamat Surat-Menyurat:	Perhatian: Pegawai Privasi, Pulse Ecosystems Pte Ltd, 1 Wallich Street #19-01 Guoco Tower Singapore 078881
Tel:	+6567044522
E-mel:	<a href="mailto:privacy@wedopulse.com">privacy@wedopulse.com</a>

Kami akan membalas dan melaksanakan semua permintaan dalam lingkungan had masa yang ditetapkan oleh undang-undang dan peraturan yang berkaitan.

Kami boleh menolak untuk melaksanakan permintaan untuk membetulkan atau menyediakan akses ke data peribadi apabila undang-undang membenarkan atau mewajibkan kami untuk berbuat begitu. Atas sebab-sebab keselamatan, kami mungkin mengambil langkah untuk mengesahkan identiti pihak yang membuat permintaan sebelum memberi tindak balas ke atas permintaan tersebut.

Di negara-negara yang mempunyai undang-undang yang mewajibkan kami untuk berbuat begitu, kami telah melantik pegawai perlindungan data untuk memantau perlindungan data peribadi anda. Jika anda mempunyai sebarang persoalan tentang Notis Privasi ini atau tentang perlindungan data untuk Perkhidmatan-perkhidmatan Pulse atau mempunyai apa-apa aduan berkenaan Notis Privasi ini atau cara kami menguruskan data peribadi, anda boleh menghubungi PulseCo melalui Meja Bantuan Pulse di atas. Untuk menghubungi Entiti Setempat Pru, sila rujuk maklumat untuk menghubungi di notis privasi masing-masing yang anda boleh akses melalui laman web yang disediakan di Lampiran 2.

## Mengenai notis ini

**Bahasa:** Jika versi bahasa Inggeris dan terjemahan tempatan rasmi Notis Privasi ini tidak konsisten, versi bahasa Inggeris akan diutamakan.

**Definisi:** Istilah-istilah dihurufbesarkan yang tidak dijelaskan dalam Notis Privasi ini akan membawa maksud yang disediakan dalam Terma dan Syarat Aplikasi Pulse.

**"Kumpulan Prudential"** merujuk pada Prudential Plc dan mana-mana syarikat gabungan Prudential Plc.

**Pemindaan:** Kami mengubah Notis Privasi ini dari masa ke masa. Kami tidak akan membataskan hak anda di bawah Notis Privasi ini tanpa memaklumkan anda dahulu. Kami sentiasa menunjukkan tarikh perubahan terakhir yang dilakukan.

## Lampiran 1- Maklumat Khusus Negara

Jika anda seorang pengguna di salah sebuah negara berikut, maklumat di bawah adalah relevan kepada anda.

### **Filipina**

Pulse dioperasikan oleh Pulse Ecosystems Pte. Ltd., sebuah syarikat gabungan Pru Life UK. Kedua-dua syarikat tersebut ialah syarikat –syarikat gabungan Prudential Plc, sebuah syarikat diperbadankan di United Kingdom. Prudential plc, Pulse Ecosystems Pte. Ltd., dan Pru Life UK tidak bergabung dengan Prudential Financial Inc., Philippine Prudential Life Insurance Company Inc., Prudentialife Plans, Inc. atau Prudential Guarantee and Assurance, Inc.

### **Malaysia**

“Apabila perkataan ‘insurans’ digunakan, ia akan juga termasuk takaful.”

### **Indonesia**

Di bahagian-bahagian Maklumat Kanak-Kanak dan Bertindak bagi Pihak Individu Lain, semua rujukan pada frasa ‘berusia 18 tahun’ akan digantikan dengan frasa ‘berusia 21 tahun atau individu di bawah jagaan’.

### **Taiwan**

Pulse dioperasikan oleh Pulse Ecosystems Pte. Ltd., sebuah syarikat gabungan PCA Life Assurance Co., LTD (PCALT). Kedua-dua syarikat tersebut ialah syarikat gabungan Prudential plc, sebuah syarikat yang diperbadankan di United Kingdom. Prudential plc, Sama ada Pulse Ecosystems Pte. Ltd, mahupun PCALT adalah bukan syarikat gabungan di bawah Prudential Financial Inc., sebuah syarikat dengan lokasi perniagaan utamanya ialah Amerika Syarikat.

Di bahagian-bahagian Maklumat Kanak-Kanak dan Bertindak bagi Pihak Individu Lain, semua rujukan pada frasa ‘berusia 18 tahun’ akan digantikan dengan frasa ‘berusia 20 tahun’.

### **Notifikasi Perlindungan Data Khusus daripada PCA Life Assurance Co, LTD (“PCALT”)**

Menurut Akta Perlindungan Data Peribadi Taiwan (Republik China) (“PDPA”), PCALT dengan ini memaklumkan anda mengenai perkara-perkara berikut yang berkaitan dengan pengumpulan, pemprosesan dan penggunaan data peribadi yang disediakan atau akan disediakan oleh anda secara tidak langsung (“Data Peribadi”) di Aplikasi Pulse dan operator serta penyedia aplikasi ini, Pulse Ecosystems Pte. Ltd.:

1. Entiti dan Sumber Data. PCALT, sebuah syarikat yang diperbadankan di Taiwan, mengumpul, memproses dan menggunakan Data Peribadi yang diterima daripada Aplikasi Pulse yang dioperasikan oleh Pulse Ecosystem Pte. Ltd. atau pengganti-penggantinya.
2. Tujuan. PCALT boleh mengumpul Data Peribadi anda secara tidak langsung, kemudian memproses, menggunakan, menghantar dan mendedahkan data tersebut untuk tujuan-tujuan berikut:
  - (i) PCALT berniat menggunakan nama dan butiran untuk menghubungi anda agar dapat menghantar promosi istimewa dan/atau bahan-bahan berkaitan produk dan perkhidmatan diperibadikan atau tersuai dan / atau perkhidmatan serta produk daripada rakan-rakan PCALT (berkaitan dengan kesihatan, kesejahteraan, pemakanan, gaya hidup, kewangan dan / atau insurans) yang anda telah benarkan. Dan PCALT menggunakan nama dan butiran untuk menghubungi anda bagi tujuan pemasaran sahaja dengan kebenaran anda (penggunaan Aplikasi Pulse oleh anda akan dianggap sebagai kebenaran anda seperti yang dirujuk di sini;
  - (ii) Untuk memperibadi, menyuai dan mengubah suai penggunaan serta pengalaman anda menggunakan produk dan tawaran PCALT, termasuklah menyediakan cadangan promosi, product dan perkhidmatan yang diperibadikan dan tersuai seperti tawaran menggabungkan produk insurans dan Perkhidmatan-perkhidmatan Pulse lain, serta tip-tip;
  - (iii) Untuk penambahbaikan dan pembangunan perkhidmatan-perkhidmatan kewangan baharu atau produk serta perkhidmatan insurans; dan
  - (iv) Untuk melakukan analisis data dan membuat pemprofilan seperti pemprofilan pemasaran.
3. Kategori. Kategori-kategori data yang boleh dikumpul, diproses dan digunakan adalah seperti yang dinyatakan di Tambahan A. PCALT tidak akan mengumpul sebarang data peribadi sensitif anda secara tidak langsung daripada Pulse Ecosystem Pte. Ltd. dan/atau Rakan-rakan Pulse lain.
4. Tempoh, Kawasan, Penerima dan Kaedah.
  - (1) *Tempoh:* Data Peribadi boleh digunakan hingga selepas (i) tujuan relevan yang dinyatakan di atas tidak lagi boleh digunakan / menjadi relevan, (ii) PCALT tidak lagi diwajibkan oleh undang-undang, peraturan atau peraturan dalaman berkaitan untuk menyimpan Data Peribadi tersebut; (iii) Data Peribadi tidak lagi diperlukan oleh PCALT untuk menjalankan perniagaan, dan (iv) PCALT tidak akan wujud lagi selepas berlaku sebarang penggabungan atau pemerolehan, kemuflihan atau pencairan.
  - (2) *Penerima:* Data Peribadi boleh didedahkan dan digunakan oleh: (i) Penasihat-penasihat atau entiti-entiti lain yang menyediakan perkhidmatan kepada PCALT; (ii) Rakan-rakan Pemasaran dan Perniagaan PCALT dan pegawai-pegawai, ejen atau kakitangan; dan, (iii) Pihak berkanun, pihak perundangan atau pihak

berkuasa lain di Taiwan atau mana-mana kawasan bidang kuasa lain yang menjadi lokasi perniagaan PCALT atau membuka fasiliti-fasiliti pemprosesan data (Secara kolektifnya, dirujuk sebagai “Penerima”). Data Peribadi boleh dikumpul, diproses, digunakan, dipindahkan dan didedahkan oleh setiap Penerima dalam lingkungan bidang yang membenarkan PCALT untuk menyediakan Data Peribadi kepada Penerima berkaitan.

(3) *Kawasan*: Data Peribadi boleh digunakan di Taiwan dan mana-mana negara / wilayah yang menjadi lokasi operasi perniagaan atau fasiliti-fasiliti pemprosesan data bagi mana-mana PCALT atau Penerima.

(4) *Kaedah*: Sebarang kaedah yang mematuhi Undang-Undang Taiwan yang berkaitan.

5. *Hak*: Seperti yang dibenarkan dalam Artikel 3 PDPA, anda boleh membuat permohonan bertulis kepada PCALT: (1) untuk menanya atau menyemak Data Peribadi (PCALT mungkin mengenakan bayaran yang berpatutan); (2) membuat salinan Data Peribadi (PCALT mungkin mengenakan bayaran yang berpatutan); (3) tambah atau meminda Data Peribadi (tanpa penjelasan terperinci); (4) membatalkan pengumpulan, pemprosesan dan penggunaan Data Peribadi oleh PCALT (sehingga Data Peribadi tersebut tidak lagi diperlukan oleh PCALT untuk menjalankan perniagaan atau menyediakan perkhidmatan kepada anda), atau (5) menuntut PCALT untuk memadam Data Peribadi (sehingga Data Peribadi tersebut tidak lagi diperlukan oleh PCALT untuk menjalankan perniagaan, menyediakan perkhidmatan kepada anda atau PCALT tidak lagi berhak dari segi undang-undang untuk berbuat begitu).

## **Tambahan A**

### **Genre-Genre Data Peribadi yang boleh dikumpul, diproses dan digunakan oleh PCALT secara tidak langsung:**

- Butiran peribadi dan maklumat untuk menghubungi anda seperti, nama, alamat, nombor telefon, alamat e-mel anda, maklumat log masuk pihak ketiga lain (cth. log masuk media sosial) apabila anda memilih untuk menggunakannya;
- Maklumat biometrik (termasuklah imej wajah) apabila anda memilih untuk menggunakan mana-mana aspek Perkhidmatan-perkhidmatan Pulse yang mungkin memerlukan maklumat tersebut;
- Jantina, tarikh lahir dan / atau usia anda;
- Nombor kad pengenalan atau nombor pasport anda (jika diperlukan untuk menggunakan suatu perkhidmatan);
- Rekod sebarang komunikasi berkaitan Pulse anda ada bersama kami;

- Butiran yang anda sediakan apabila anda memilih untuk menyertai sebarang aktiviti yang diadakan oleh PCALT berkaitan Aplikasi Pulse;
- Butiran berkaitan sejarah perubatan dan kesihatan anda (“Data Kesihatan”) yang anda sediakan kepada Rakan Pulse, tetapi hanya bahagian yang anda beri kebenaran khusus kepada Penyedia Aplikasi yang Dihoskan didedahkan kepada PCALT untuk tujuan tertentu; Sekiranya diperlukan oleh undang-undang atau peraturan, setiap pemrosesan Data Kesihatan (dan di mana relevan, data sensitif lain), akan didasarkan pada persetujuan eksplisit anda;
- Data kecergasan, seperti tabiat merokok, tabiat pengambilan alcohol, amalan bersenam, ketinggian, berat, atau BMI dan keputusan penilaian tubuh badan perubatan Cina anda;
- Butiran berkaitan peranti mudah alih anda dan penggunaan Aplikasi Pulse dan Perkhidmatan-perkhidmatan Pulse termasuklah data lokasi yang memerlukan butiran tersebut;
- Data yang diperolehi melalui tindakan anda apabila menggunakan Aplikasi Pulse atau Perkhidmatan-perkhidmatan Pulse;
- Data berkaitan semua interaksi lain dengan Aplikasi Pulse atau Perkhidmatan-Perkhidmatan Pulse, keutamaan pengiklanan anda, dan komunikasi bersama PCALT (jika ada);
- Peranti mudah alih dan maklumat sambungan, maklumat mengenai data trafik, alamat IP anda, masa akses, maklumat pemasangan dan nyahpasang, data sejarah semak imbas, tetapan bahasa, maklumat berkaitan dengan log masuk pihak ketiga dan / atau maklumat weblog anda dsb;
- Masa akses, kekerapan dan tempoh lawatan / penggunaan Aplikasi Pulse dan mikrositnya;
- Maklumat berkaitan individu rujukan atau penerima rujukan anda yang diterima di Aplikasi Pulse dan Perkhidmatan-perkhidmatan Pulse, dianggap sebagai anda dibenarkan untuk berbuat sedemikian oleh subjek data tersebut;
- Data mengenai aktiviti-aktiviti dan interaksi anda dengan rakan-rakan pengiklanan kami di Aplikasi Pulse dan mikrositnya (jika ada);
- Model atau jenis peranti digunakan oleh anda, versi / sistem pengoperasian, tetapan dan jenis pelayar, ID peranti, ID iklan (jika ada), serta data berkaitan kuki lain.

## Lampiran 2 – Butiran entiti-entiti insurans Prudential di negara anda

Negara	Entiti Insurans Prudential	Laman Web
Kemboja	Prudential (Cambodia) Life Assurance Plc	<a href="https://www.prudential.com.kh/km/">https://www.prudential.com.kh/km/</a>
Hong Kong	Prudential Hong Kong Limited Prudential General Insurance Hong Kong Limited	<a href="https://www.prudential.com.hk/en/">https://www.prudential.com.hk/en/</a>
Indonesia	<b>PT Prudential Life Assurance</b>	<a href="https://www.prudential.co.id/id/footer/privacy-policy/">https://www.prudential.co.id/id/footer/privacy-policy/</a>
Laos	Prudential Life Assurance (Lao) Company Limited	<a href="https://www.prudential.la/prudential-la/lo/">https://www.prudential.la/prudential-la/lo/</a>
Malaysia	Prudential Assurance Malaysia Berhad	<a href="https://www.prudential.com.my/en/footer/privacy-policy/">https://www.prudential.com.my/en/footer/privacy-policy/</a>
Malaysia Takaful	Prudential BSN Takaful Berhad	<a href="https://www.prubsn.com.my/en/">https://www.prubsn.com.my/en/</a>
Myanmar	Prudential Myanmar Life Insurance Limited	<a href="https://www.prudential.com.mm/en/footer/privacy-notice/">https://www.prudential.com.mm/en/footer/privacy-notice/</a>
Singapura	Prudential Assurance Company Singapore (Pte) Ltd	<a href="https://www.prudential.com.sg/privacy-notice">https://www.prudential.com.sg/privacy-notice</a>
Taiwan	PCA Life Assurance Co., Ltd.	<a href="https://www.pcalife.com.tw/zh/">https://www.pcalife.com.tw/zh/</a>
Thailand	Prudential Life Assurance (Thailand) Public Company Limited	<a href="https://www.prudential.co.th/corp/prudential-th/th/">https://www.prudential.co.th/corp/prudential-th/th/</a>
Filipina	Pru Life Insurance Corporation of U.K.	<a href="https://www.prulifeuk.com.ph/en/">https://www.prulifeuk.com.ph/en/</a>
Vietnam	Prudential Vietnam Assurance Private Limited	<a href="https://www.prudential.com.vn/vi/">https://www.prudential.com.vn/vi/</a>